

Empat lelaki tidak mengaku bakar remaja sehingga melecur

BERITA HARIAN 29/7/2022 page 20

Chukai: Empat lelaki dihadapkan ke Mahkamah Majistret Kemaman semalam, atas tuduhan membakar seorang remaja berusia 15 tahun sehingga melecur.

Bagaimanapun, semua tertuduh iaitu Shaikh Hilman Hakim Shaikh Anuar, 28, yang dipercayai suspek utama dan tiga rakannya, Muhammad Imran Mohamad, 18, Mohamad Razif Mohamad dan Mohamad Razman Zalizan masing-masing

berusia 20 tahun mengaku tidak bersalah selepas tuduhan dibacakan di hadapan Majistret Tengku Eliana Tuan Kamaruzaman.

Mereka terbabit didakwa didakwa dengan sengaja mendatangkan kecederaan api terhadap mangsa, Muhammad Fiqrie Adam Abdullah, 15, di simpang empat Kampung Perasing Jaya, Jabor pada kira-kira jam 3 pagi 27 Julai lalu.

Pendakwaan dikendalikan

Timbalan Pendakwa Raya, Nurhanisah Sh Sahul Hamid dan semua tertuduh diwakili peguam, Nurul Farhana Shamsudin.

Bagi kesalahan itu, Shaikh Hilman didakwa mengikut Seksyen 326 Kanun Keseksan kerana mendatangkan kecederaan parah kepada mangsa, manakala tiga rakannya didakwa mengikut Seksyen 323 Kanun Keseksan kerana mencederakan mangsa.

Mahkamah kemudian mene-

tapkan 1 Ogos ini sebagai tarikh penetapan jaminan bagi Shaikh Hilman dan kes akan dibawa ke Mahkamah Sesyen.

Manakala, tiga rakannya pula dibenarkan ikat jamin RM1,800 setiap seorang dan tertuduh juga dikenakan syarat tambahan iaitu tidak boleh mengganggu saksi mangsa serta saksi pendakwaan, selain mahkamah menetapkan 8 September ini sebagai tarikh sebutan semula kes itu.

Media sebelum ini melaporkan seorang remaja berusia 15 tahun melecur selepas dibakar sekumpulan lelaki sehingga melecur dari leher hingga bahagian depan dan belakang badan.

Mangsa dipercayai disimbah minyak sebelum dinyalakan api.

Mangsa yang keciciran persekolahan itu kini mendapat rawatan di Unit Rawatan Rapi (ICU) Hospital Tengku Ampuan Afzan Kuantan.